

08 Aug 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Syafiq Aznan • Section: Sukan • Page: 39 • Printed Size: 377.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,995.52
PR value: MYR 38,986.56 • Item ID: MY0026708569

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# Gergasi Merah pecat Zainal

## ● Tindakan diambil atas arahan Azmin susulan prestasi hambar pasukan

**Oleh Syafiq Aznan**

syafiq.aznan@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Jodoh Zainal Abidin Hassan selaku pengendali Selangor hanya bertahan selama lapan bulan selepas dia akhirnya dipecat Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) susulan prestasi hambar yang ditunjukkan anak buahnya dalam beberapa perlawanan sebelum ini.

Badan induk bola sepak negeri itu nyata tidak lagi mampu bersabar dengan kemerosotan prestasi skuad The Red Giants selepas tumbang buat kali keempat berturut-turut dalam saingan Liga Malaysia (Liga M) yang menyaksikan kontrak pengendali berusia 55 tahun itu ditamatkan serta-merta.

Malah, keputusan ini pastinya mengundang gembira dalam kalangan penyokong Selangor yang selama ini sentiasa mendesak bekas pengendali Pahang itu supaya direhatkan selepas gagal meningkatkan kualiti persembahan barisan pemainnya.

Ini sekali gus menyaksikan Zainal meninggalkan Selangor dengan baki kontrak setahun empat bulan lagi tanpa meraih apa-apa kejayaan melainkan meletakkan pasukan yang kini ketinggalan begitu jauh dalam saingan Liga Super dan Piala Malaysia.

### Sangat ambil berat

Pengurus pasukan, Amirudin Shari, berkata tindakan itu diambil kerana FAS begitu mengambil berat terhadap kemelut prestasi sehingga mereka gagal meraih sebarang kemenangan dalam enam perlawanan terakhir.

"FAS mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas prestasi hambar pasukan bola sepak Selangor sejak kebelakangan ini.

"Jadi melalui arahan Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, saya ingin mengumumkan kontrak Zainal Abidin Hassan selaku ketua jurulatih ditamatkan serta merta.

"Tugas ketua jurulatih akan dipertanggungjawabkan kepada penolong jurulatih, K Gunalan sehingga satu tempoh di mana pengurusan mengenal pasti calon sesuai bagi mengemudi pasukan Selangor menghadapi baki saingan Liga Super dan Piala Malaysia," katanya menerusi satu siaran media, semalam.

Amirudin berkata persatuan terbabit akan 'lebih segar' dengan rombakan secara menyeluruh ke atas organisasi terbabit yang akan diumumkan hari ini.

| Headline | Ini pengajaran buat saya | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Sukan | Circulation | 125,514 |
| Page No | 39 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 109 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,979 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,936 |



# 'Ini pengajaran buat saya'

**Kuala Lumpur:** Bekas jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan menganggap pemecatannya dari mengendalikan skuad The Red Giants memberi pengajaran berguna dalam kerjaya sebagai jurulatih.

Zainal menjelaskan dia tidak berputus asa kerana pemecatan itu, sebaliknya akan terus menambah ilmu dalam kejurulatihan dengan menyambung kursus lesen pro yang sudah lama dalam perancangannya.

Katanya, pemecatan itu juga dilakukan dengan baik atas persetujuan semua pihak terutama pengurusan tertinggi Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

**Persetujuan semua**

"Keputusan itu dicapai selepas perbincangan malam tadi (kelmarin) dan mendapat persetujuan semua pihak. Apapun, saya terima dengan hati terbuka dan ia mungkin jalan terbaik untuk pasukan.

"Saya sudah cuba melakukan yang terbaik, malangnya, dengan ramai pemain yang cedera menyebabkan kehendak pasukan dan saya sendiri tidak dapat dicapai mengikut perancangan.

"Inilah lumrah dalam bola sepak, yang baik dipuji dan yang buruk dikeji. Saya harap jurulatih baharu dapat mengangkat kembali prestasi Selangor," katanya, semalam.

**Oleh Mohamad Zulfaizan Mansor**

**Fakta nombor**

17 MATA

Selangor ketinggalan dengan pendahulu Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT)

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**



08 Aug 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Syafiq Aznan • Section: Sukan • Page: 39 • Printed Size: 377.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,995.52
PR value: MYR 38,986.56 • Item ID: MY0026708569

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com





| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | FAS juga perlu dirombak: Kelab penyokong | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Sukan | Circulation | 125,514 |
| Page No | 39 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 140 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,542 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,625 |


SUKAN

FAS juga perlu dirombak: Kelab penyokong

Gergasi Merah pecat Zainal

'Ini pengajaran buat saya'

# FAS juga perlu dirombak: Kelab penyokong

**Kuala Lumpur:** Tindakan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang memecat Zainal Abidin Hassan susulan prestasi hambar pasukan terbabit dalam beberapa perlawanan terakhir bukanlah satu jalan penyelesaian yang menyeluruh untuk menyelamatkan bola sepak Selangor.

Ini berikutan badan induk bola sepak negeri itu harus membuat rombakan lebih drastik daripada barisan kepemimpinan yang dilihat gagal menjalankan tugas dengan baik sehingga menyebabkan Selangor hilang kemahsyurannya.

Presiden Kelab Penyokong Anak Selangor (ASFC), Mohd Faizal Wahid berkata kemelut yang melanda negeri terbabit berpunca daripada akar umbi dengan beberapa individu daripada barisan pengurusan seharusnya berundur.

**Tindakan wajar**

"Saya akui tindakan memecat Zainal adalah satu tindakan yang wajar memandangkan dia sudah kehilangan magisnya untuk membawa kejayaan kepada pasukan ini.

"Malah, saya juga melihat dia seakan hilang punca terutama selepas tiada peningkatan dari segi prestasi dalam perlawanan demi perlawanan dengan Selangor tewas empat kali berturut-turut.

"Kekalahan empat kali berturut-turut sebegini tidak boleh diterima oleh pasukan yang gah seperti Selangor.

"”Namun untuk menyalahkan Zainal semata-mata tidak adil kerana individu di FAS juga perlu dipertanggungjawabkan atas kemerosotan prestasi yang ditunjukkan Selangor bukan hanya pada musim ini, namun untuk beberapa tahun kebelakangan ini," katanya ketika dihubungi BH Sukan, semalam.

Powered by: isentia

| Headline | FAS juga perlu dirombak: Kelab penyokong | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Sukan | Circulation | 125,514 |
| Page No | 39 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 140 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,542 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,625 |

**Info**

## Zainal Abidin Hassan

**Umur** → 54 tahun
**Asal** → Selangor
**Kerjaya sebagai pengurus pasukan dan jurulatih** →
2011-2013 - Pahang (Pengurus)
2013-2014 - Pahang (Penolong Jurulatih)
2014-2015 - Pahang; 2016 - Selangor
**Pencapaian** →
Juara Piala FA - 2006, 2014; Piala Malaysia - 2013, 2014

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup) | 1 | 0 | RM 0 |
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia FA Cup) | 14 | 0 | RM 0 |
| Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

08 Aug 2016
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 62 • Printed Size: 250.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,512.82
PR value: MYR 19,538.46 • Item ID: MY0026708876

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# Mehmet kembali terajui Gergasi Merah?

**SPEKULASI** Mehmet Durakovic akan kembali bersama Selangor terus bertiup kencang selepas ketua jurulatih ketika ini, Zainal Abidin Hassan ditamatkan kontrak serta-merta oleh Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) semalam.

'Kerusi' Durakovic, 50, sebagai ketua jurulatih pasukan itu sebelum ini telah diberikan kepada Zainal, 54, yang ditawarkan kontrak dua musim bermula awal tahun ini meskipun bekas pengendali tersebut berjaya membimbing Selangor menjuarai Piala Malaysia 2015.

Bagaimanapun, masa depan Zainal bersama Selangor tidak bertahan lama apabila FAS dikatakan 'hilang sabar' melihat prestasi hambar dipamerkan skuad tersebut dalam saingan Liga Super sejak kebelakangan ini dengan yang terbaharu, tewas 0-1 kepada Kedah di Stadium Darul Aman, Alor Setar malam kelmarin.

Untuk memburukkan lagi keadaan, kekalahan tersebut menyaksikan skuad Gergasi Merah gagal mencatatkan sebarang kemenangan dalam enam perlawanan terakhir sejak menewaskan Polis Diraja Malaysia 2-1 dalam aksi Liga Super pada 16 Julai lalu.

"FAS mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas prestasi hambar Selangor sejak kebelakangan ini. Melalui arahan Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) yang juga Presiden FAS, saya ingin mengumumkan kontrak Zainal ditamatkan serta-merta.

"Tugas ketua jurulatih selepas ini akan digalas buat sementara waktu oleh penolong jurulatih, K. Gunalan sehingga pengurusan FAS mengenal pasti calon sesuai mengemudi Selangor menghadapi baki saingan Liga Super dan Piala Malaysia.

"Pada masa sama, rombakan menyeluruh ke atas pengurusan FAS akan diumumkan pada Isnin (hari ini)," kata pengurus Selangor, Amirudin Shari melalui satu kenyataan rasmi semalam.

Zainal yang pernah beraksi dengan skuad kebangsaan dari 1980 hingga 1997, mempunyai rekod cemerlang dalam karier kejurulatihan sebelum ini selepas berjaya mengemudi Pahang menjuarai Piala FA dan Piala Malaysia pada 2014.

Nasib Zainal tidak dapat diselamatkan selepas mengalami tiga kekalahan berturut-turut daripada tiga aksi terakhir bermula dengan kekalahan 1-2 kepada Felda United, T-Team (0-1) dan Kedah (0-1) meskipun Selangor kini menghuni tempat ketiga Liga Super.

Malah, beliau juga gagal memastikan permulaan baik Selangor dalam kancah Piala Malaysia apabila seri 3-3 dengan Kelantan sebelum kecundang 0-1 kepada Pahang dalam dua perlawanan pertama kempen tersebut.

Selain Durakovic, peminat bola sepak Selangor turut mengaitkan nama bekas pengendali Angkatan Tentera Malaysia, B. Sathianathan untuk mengisi kekosongan 'kerusi panas' skuad Gergasi Merah tersebut.



08 Aug 2016
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 62 • Printed Size: 250.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,512.82
PR value: MYR 19,538.46 • Item ID: MY0026708876

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com





**MEHMET mula dikaitkan untuk kembali menerajui Selangor.**

Kosmo-ms62

# Selangor tamatkan kontrak Zainal



KONTRAK Zainal (kiri) ditamatkan serta-merta oleh Persatuan Bola Sepak Selangor semalam.

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH

KETUA jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan tetap berbangga dengan prestasi anak-anak buahnya meskipun beliau kini telah ditamatkan kontrak serta-merta oleh Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) semalam.

FAS membuat keputusan drastik itu ekoran prestasi hambar skuad Gergasi Merah sejak kebelakangan ini selepas gagal meraih kemenangan dalam enam perlawanan terakhir.

Lebih malang, kekalahan 0-1 kepada Kedah pada aksi Liga Super di Stadium Darul Aman, Alor Setar malam kelmarin merupakan kekalahan ketiga berturut-turut Selangor pada saingan liga musim ini.

Mengulas lanjut, Zainal, 54, mengakui beliau gagal membimbing Selangor ke satu tahap yang dikehendaki oleh FAS, sekali gus menerima keputusan tersebut dengan hati terbuka.

"Mungkin pencapaian tidak begitu baik dan saya gagal mencapai tahap yang disasarkan oleh Selangor, jadi keputusan telah diambil oleh majikan dan saya terima secara terbuka.

"Saya ada sebab tertentu tidak dapat menyempurnakan kerja saya seperti kecederaan pemain-pemain utama tetapi saya bangga kerana pasukan berada pada tahap baik dan masih mampu mengejar kejuaraan.

"Bagaimanapun, tiada rezeki untuk (saya) membimbing Selangor yang merupakan juara bertahan Piala Malaysia ke tahap yang dikehendaki, jadi saya terima keputusan tersebut," kata Zainal semalam.

Zainal juga turut menggesa barisan pemain Selangor supaya memberikan aksi terbaik selepas ini sambil mengucapkan selamat maju jaya kepada penolong jurulatih, K. Gunalan yang bakal menggantikan tempatnya buat sementara waktu.

Pada masa sama, bekas pengendali Pahang itu mendedahkan akan memohon kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk melanjutkan kursus kejurulatihan ke tahap lebih tinggi.

"Saya tiada apa-apa perancangan buat masa ini, cuma saya akan memohon kepada FAM bagi meneruskan karier kejurulatihan saya untuk mengambil lesen liga profesional.

"Saya tidak akan berputus asa dalam bola sepak kerana ini adalah satu cabaran dan usaha dalam meningkatkan mutu kejurulatihan saya," jelasnya.



08 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 2 • Printed Size: 114.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,122.46
PR value: MYR 3,367.38 • Item ID: MY0026706926

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# Bersatu hati tawan semula Selangor

**KUALA LUMPUR** - Ahli Umno khususnya di Selangor digesa turun padang dengan berbekalkan pemikiran kemenangan dalam usaha memastikan negeri itu dapat ditawan semula Umno dan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Idris Haron menegaskan selain itu, dua lagi elemen yang perlu dimiliki mereka ialah keberanian dan kebersamaan dalam kalangan anggota.

"Ahli Umno ketika ini perlu bergerak dalam satu ketua, satu suara dan satu gerakan. Kita perlu satu pemikiran, satu hati dan satu tindakan kerana amalan itu sahaja diyakini dapat meredah (menawan) Selangor," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Sayap Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Ampang di sini, semalam.

Ketua Menteri Melaka itu berkata, anggota Umno juga perlu mengambil iktibar daripada perpecahan dalaman pembangkang.

"Ini masa terbaik untuk Umno rapatkan barisan, garapkan tenaga untuk merampas apa yang kita hilang ke pangkuan Barisan Nasional," kata Idris.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Ampang, Datuk Ismail Kijo berkata, Umno Ampang yakin untuk memecah tembok 'kemustahilan' menawan semula Selangor pada pilihan raya umum akan datang.

"Kami telah gerakkan jentera parti dan menambah pengundi. Seluruh ahli Umno Ampang juga telah bersepakat untuk terima siapa jua calon yang dipilih pucuk pimpinan untuk mewakili negeri ini," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri Selangor dilihat tidak mampu menjanjikan keselesaan untuk rakyatnya termasuk dari segi penyediaan rumah. - *Bernama*

08 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 227.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,872.10
PR value: MYR 11,616.30 • Item ID: MY0026707003

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsagor@gmail.com



# Noh sokong serah bukti kepada SPRM

**SHAH ALAM** - Pengerusi Umno Selangor, Tan Sri Noh Omar menyokong cadangan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali agar pihak yang mempunyai bukti berhubung penukaran status tanah paya Wetlands oleh kerajaan negeri membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)..



Noh (tengah) menyokong cadangan Menteri Besar agar pihak berkenaan membuat laporan kepada SPRM.

Menurutnya, pihaknya percaya individu yang mendedahkan perkara itu iaitu Chegu Bard mempunyai maklumat berhubung perkara itu.

"Saya percaya beliau akan laporkan kepada SPRM.

"Jadi saya minta beliau lapor segera kepada SPRM," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Shah Alam di bangunan Umno Shah Alam, di sini semalam.

Noh berkata demikian bagi mengulas kenyataan Mohamed Azmin semalam yang mengesyorkan pihak yang terlibat mendedahkan isu berhubung penukaran status tanah paya Wetlands membuat laporan SPRM jika dia mempunyai bukti.

Dalam masa yang sama, Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut meluahkan rasa kesal dengan sikap Menteri Besar yang mendiamkan diri berhubung isu itu.

"Sikap berdiam diri beliau itu seolah-olah ada udang di sebalik batu dan tak mustahil dia disyaki mempunyai kaitan dengan unsur-unsur rasuah.

"Berbeza dengan empat Menteri Besar sebelum ini yang tidak bersetuju untuk tukar status tanah itu demi menjaga ekosistem alam semula jadi," katanya.

Terdahulu, (Adun) Dengkil, Shahrum Mohd Shariff mempersoalkan tindakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang didakwa menukar status tanah paya Wetlands daripada pertanian kepada pembangunan.

Dakwanya, carian di Pejabat Tanah Kuala Langat sebelum ini mendapati tanah Lot 68054 seluas 619 hektar di Mukim Tanjong Dua Belas, Kuala Langat ini ditukar statusnya daripada kawasan hijau kepada pembangunan pada 2015.

## Sinar Harian - ms1



# ‘Selamat jalan Zainal’

**FAS tamatkan kontrak pengendali The Red Giants, Zainal Abidin Hassan berikutan prestasi merudum pasukan gergasi bola sepak negara itu**

54



08 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 54 • Printed Size: 203.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,462.71
PR value: MYR 10,388.13 • Item ID: MY0026707143

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# FAS tamatkan khidmat Zainal

**PERSATUAN** Bola Sepak Selangor (FAS) tiada pilihan lain selain terpaksa menamatkan kontrak pengendali *The Red Giants*, Zainal Abidin Hassan.

Perkara itu disahkan pengurus pasukan, Amirudin Shari menerusi satu kenyataan rasmi kepada media, semalam.

Pengumuman itu dibuat sehari selepas Selangor mencatat kekalahan keempat berturut-turut dalam saingan Liga Malaysia (Liga-M).

Kelmarin, penyandang juara Piala Malaysia itu tumpas 0-1 kepada Kedah dalam aksi Liga Super di Stadium Darul Aman.

"FAS mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas prestasi hambar pasukan Selangor sejak kebelakangan ini dan melalui arahan Presiden FAS (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali), saya ingin mengumumkan FAS menamatkan kontrak Zainal selaku ketua jurulatih berkuat kuasa serta-merta," katanya.

Amirudin berkata, jawatan ditinggalkan Zainal, 55, akan diisi penolongnya, K Gunalan.

"Gunalan akan menggantikan tempat Zainal sehingga FAS dan pengurusan pasukan mengenal pasti calon sesuai bagi mengemudi pasukan Selangor menghadapi baki saingan Liga Super dan Piala Malaysia," katanya.

Pada masa sama, Amirudin berkata, rombakan menyeluruh ke atas pengurusan FAS akan diumumkan hari ini.

Sementara itu, Zainal akur dan menerima keputusan FAS tersebut dengan hati terbuka.

"Terima kasih kepada FAS dan penyokong. Saya sudah berusaha untuk membawa pasukan ke tahap lebih baik cuma mungkin rezeki tidak memihak kepada saya," katanya.

Di bawah bimbingan Zainal, Selangor terlepas Piala Sumbangsih, tersingkir daripada kempen Piala FA dan gagal ke pusingan kedua Piala AFC.

Selangor kini menghuni tangga ketiga liga, ketinggalan 17 mata daripada pendahulu Johor Darul Ta'zim (JDT).



Zainal kelihatan kecewa apabila pasukannya tewas kepada Kedah pada perlawanan Liga Super di Stadium Darul Aman, kelmarin.

| Headline | Bersih 5.0 taktik kotor guling kerajaan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 12 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 213 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,633 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,900 |



# Bersih 5.0 taktik kotor guling kerajaan

**SHAH ALAM** - Agenda Bersih 5.0 adalah taktik kotor pembangkang untuk menggulingkan kerajaan dan satu provokasi untuk rakyat membenci pemimpin dan dasar kerajaan.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim berkata, inilah taktik cuba mencemarkan sistem demokrasi Malaysia dengan menghasut rakyat mempertikaikan kerajaan dipilih rakyat

"Siri-siri perhimpunan Bersih lalu hanya mengakibatkan kerosakan harta benda, kesesakan lalu lintas, urusan perniagaan terganggu dan ancaman keselamatan yang mungkin boleh terjadi tanpa diduga.

"Pengerusi Bersih, Maria Chin Abdullah harus bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kemungkinan termasuk perhimpunan Bersih 5.0 ini yang dikhuatiri bertukar menjadi liar dan ganas termasuk membayar ganti rugi atas kerugian ekonomi penjaja serta kerosakan harta awam," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Irmohizam yang juga merupakan Ahli Parlimen Kuala Selangor turut memaklumkan bahawa Bersih 5.0 diadakan bukannya demi rakyat namun bagi menjaga kepentingan politik pihak pemimpin pembangkang.



IRMOHIZAM

Beliau berkata, pembangkang sedang mencuba sedaya upaya untuk menjatuhkan pemimpin tertinggi negara bagi mengalihkan beberapa isu yang membabitkan mereka sebelum ini.

"Mereka ingin menjatuhkan pemimpin tertinggi negara supaya dapat mengalihkan perhatian daripada isu skandal banglo dan tanah yang dihadapi Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng serta isu masalah air, sampah-sarap tidak diuruskan dengan baik, dan Paya Indah Wetland di Selangor," katanya.

Malah kata Irmohizam, sekiranya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad turut serta dalam Bersih 5.0, maka beliau dilihat telah melanggar prinsipnya selama ini.

Katanya, sebelum ini Mahthir pernah menyatakan bahawa perhimpunan jalanan bukannya merupakan langkah terbaik bagi memberi tekanan dan protes kepada kerajaan sedia ada.

"Rakyat harus menilai kebaikan dan keburukan dalam agenda sesuatu perhimpunan yang dibawa.

"Sebenarnya negara kita perlu diselamatkan daripada individu atau kumpulan yang cuba mem prejudis sistem demokrasi," katanya.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Bersih 2.0 Secretariat (Bersih 2.0 Secretariat) | 1 | 0 | RM 0 |
| UMNO (UMNO) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MPK tawar kempen kompaun letak kereta | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 37 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 66 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 650 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,950 |


Bahana silap pilih kawan

JKM cari waris kanak-kanak

# MPK tawar kempen kompaun letak kereta

**KLANG** – Majlis Perbandaran Klang (MPK) melaksanakan kempen pengurangan kompaun lalu lintas sebanyak RM15 melibatkan kesalahan kompaun letak kereta, halangan dan lalu lintas sehingga 31 Ogos ini, sempena bulan Kemerdekaan.

Pengarah Komunikasi Korporat, Norfiza Mahfiz berkata, tawaran khas bagi kompaun letak kereta yang ditawarkan sebelum ini mendapat sambutan menggalakkan.

"Kempen yang diadakan itu juga akan membantu pelanggan yang tidak berkesempatan menjelaskan kompaun mereka yang terdahulu," katanya.

Menurutnya, orang ramai digesa untuk mengambil peluang ini bagi menjelaskan kompaun mereka sebelum tempoh tawaran tamat.

"Semakan boleh dibuat di Lobi MPK, Pejabat Cawangan Tengku Kelana dan kaunter van bergerak manakala bayaran boleh dibuat di semua kaunter bayaran majlis," katanya.

Semakan dan bayaran pula boleh dibuat pada Sabtu dan Ahad di kaunter pasar raya terpilih antaranya di AEON Jusco Bukit Tinggi (27-28 Ogos 2016) dan Tesco Bukit Tinggi (13-14 Ogos)

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Aeon Co (M) Bhd (Aeon) | 1 | 0 | RM 0 |
| Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK)) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Al-Quran Karya Bestari terlaris | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 40 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 751 cm² |
| Journalist | Nor Azihan Md Ghazali | AdValue | RM 12,810 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,430 |



# Al-Quran Karya Bestari terlaris

NOR AZIHAN MD GHAZALI

**SHAH ALAM** - Al-Quran Karya Bestari paling laris di booth Karangkraf selama 11 hari Pesta Buku Selangor 2016 berlangsung di Shah Alam Convention Centre (SACC).

Penolong Pengurus Besar Jualan Grup Karangkraf, Roziaha Omar berkata, anggaran dalam 40 peratus daripada keseluruhan al-Quran berjaya dijual.

"Pengunjung yang datang bersama ahli keluarga yang paling ramai beli al-Quran yang dijual bersama dengan terjemahan.

"Rata-ratanya membeli lebih dari satu set al-Quran," katanya.

Menurutnya, buku My Name is Hasmah yang dijual pada harga RM70 kedua terlaris.

"Buku yang baru diterbitkan ini begitu mendapat sambutan khususnya oleh golongan dewasa yang terpelajar.

"Rata-rata yang datang ke sini bertanyakan buku berkenaan dan terus membelinya," katanya.

Selain itu, katanya, buku pendidikan bertajuk Fuiyoooo Senangnya Matematik turut menjadi tumpuan.

"Saya dapati buku itu untuk peringkat tahun 6 habis dijual hari ini (semalam).

"Manakala untuk tahun 1 hingga 6, tingkatan 1 hingga 3, tingkatan 4 hingga 5 dan Matematik Tambahan bagi tingkatan enam masih terjual walaupun ia turut mendapat sambutan pengunjung," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, sambutan hari terakhir pesta buku cukup meriah bermula semalam (Sabtu) dan hari ini (Ahad, semalam).

"Saya percaya sambutan meriah itu berikutan kedua-dua hari tersebut merupakan hari minggu dan ramai ambil peluang pada hari terakhir ini," katanya.

Pesta Buku Selangor 2016 yang bermula pada 28 Julai lalu akhirnya menutup tirainya semalam, 7 Ogos pada jam 10 malam.



Pengunjung ini sedang membelek al-Quran dan terjemahan yang merupakan naskah paling laris.




Norlensahadah Hasni, 37, memegang buku resepi Ketuk-ketuk Sheila Rusly antara buku yang menjadi kegemarannya.



Staff berehat seketika sebelum melakukan kerja-kerja mengemas booth selepas Pesta Buku Selangor yang berlangsung di SACC, tamat semalam.




Roziana bersama naskah al-Quran dan buku yang paling laris di booth Karangkraf.




Dua beranak ini mengambil peluang hari terakhir mencari buku kegemaran mereka.



Pengunjung masih berkumpu pada booth jualan walaupun pesta buku melabuhkan tirainya.



Staff bertugas tekun mengemas bahan bacaan pada hari terakhir pesta buku, semalam.

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd (Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd) | 1 | 0 | RM 0 |
| Shah Alam Convention Centre (SACC) (Shah Alam Convention Centre | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Zainal gets the boot | | |
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Sport | Circulation | 74,711 |
| Page No | 31 | Readership | 240,000 |
| Language | English | ArticleSize | 372 cm² |
| Journalist | Ajitpal Singh | AdValue | RM 12,774 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,322 |




FOOTBALL

# Zainal gets the boot

**SACKED:** Selangor fires coach following a string of poor results


AJITPAL SINGH
ajitpalsingh@nst.com.my


ZAINAL Abidin Hassan is regarded as a legend in Selangor, having led them to four Malaysia Cup wins and three league titles in his playing days.

Yesterday, Zainal, who joined Selangor early this season as a coach on a two-year contract, was sacked by the club following the 1-0 defeat to Kedah in a Super League match in Alor Star on Saturday. It was Selangor's fourth straight defeat in all competitions, the worst run since 2006.

His assistant and former international K. Gunalan takes over as interim coach until further notice by the Selangor FA (FAS).

"We take full responsibility for the team's poor form of late and through the advice of FAS president Datuk Seri Azmin Ali, we have terminated Zainal's contract," said team manager Amirudin Shari in a statement yesterday.

It is a sad end for Zainal as the coach had arrived in Selangor with impressive credentials, having led Pahang to the Malaysia Cup and FA Cup double in 2014.

Many felt that the former international would help Selangor regain their glory days.

"I accept FAS' decision with an open heart. I could not do my job efficiently due to injuries in the squad. I did try my best but expectations were set too high. It is just my luck that I cannot guide Selangor to titles," said Zainal.

Zainal, 54, is the eighth coach to be either sacked or "rested" in the Super League this season. Others were Ahmad Yusof (Terengganu), Ahmad Shahruddin Rosdi (Pahang), Jacksen Tiago (Penang), Datuk K. Rajagopal (Sarawak), K. Devan (Kelantan) and Syamsul Saad (Perak).

Under Zainal, Selangor had a record of 11 wins, eight draws and nine defeats in four competitions. The team failed to meet targets in the AFC Cup and FA Cup, where they exited in the early rounds.

The decision to sack Zainal came after Azmin instructed the team to make immediate changes to the coaching and management setups after the defeat to Kedah.

Azmin vented his frustration on Selangor via Twitter on Saturday by posting that Amirudin and his assistant Noor Hisham Mohd Ghouth must also take full responsibility for the club's poor season.



*Zainal Abidin Hassan*

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari) | 1 | 0 | RM 0 |
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup) | 1 | 0 | RM 0 |
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League) | 2 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**Exited in the eat rounds. I .le U sack /ainal came utter Aztnin instrue! eel tile team to make i:nmediate eh allies to t li e o a citing a n i; management setups alter the tie- t teai lo kejali. & A/ram vented his frustration ^ urday by post- Jp i ii g that *» and hisassK rant No or [Jisliam M.;hd Choi: th must a.so take full responsibility lor the dub's poor season.**



08 Aug 2016
The Star, Malaysia

Author: Oh Ing Yeen • Section: Metro • Page: 7 • Printed Size: 681.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 34,272.00
PR value: MYR 102,816.00 • Item ID: MY0026706831

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# For Subang Jaya's own ambulance

## NGO organises run to raise RM1mil for community-based emergency service



story and photos by
**OH ING YEEN**
ingyeen@thestar.com.my

MORE than 800 participants took part in the Beacon Run 2016 to raise funds for a community-based ambulance service in Subang Jaya.

The run with the slogan, "We are running to save lives," was organised by the Zone 3 residents' committee (JKP) in collaboration with Zone 1, 2 and 4 JKP and in partnership with SJ Beacon, a Subang Jaya-based emergency service non-governmental organisation established in 2011.

Organising chairman and SJ Beacon committee member Har Yin Geong said aside from raising funds for SJ Beacon to operate an ambulance, they hope to create awareness on the need for an ambulance in Subang Jaya.

He cited two cases where it took between 45 minutes and one hour for an ambulance to arrive.

"We aim to raise RM1mil which will cover operational costs and we will also organise other fundraising events, including a charity dinner.

"Once we have an ambulance, we will work with the Malaysia Emergency Response Services 999 (MERS 999) so that emergency calls can be directed to us," he said.

SJ Beacon chairman Dr Loi Kheng Min, a former MPSJ councillor said, "The Health Ministry's aim is to deliver medical emergency response in less than 15 minutes but there have been times where it could take up to 45 minutes."

He added that there were two hot spots (Sunway Mentari and Serdang) where ambulance vehicles from St John Ambulance of Malaysia and the Malaysian Red Crescent were parked.

"We are not here to compete with them but to complement the emergency services," he said.

> **We aim to raise RM1mil which will cover operational costs and we will also organise other fund-raising events, including a charity dinner.**
>
> Har Yin Geong

Subang Jaya assemblyman Hannah Yeoh, who flagged off the run, lauded the community effort.

"The nearest government hospital is the University Malaya Medical Centre in Petaling Jaya or Hospital Serdang.

"We need a government hospital in Subang Jaya," she said.



(From left) Chia with Zone 3 residents committee members Singam Muniandy and Datuk Nor Azman Abd Rahman.



08 Aug 2016
The Star, Malaysia

Author: Oh Ing Yeen • Section: Metro • Page: 7 • Printed Size: 681.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 34,272.00
PR value: MYR 102,816.00 • Item ID: MY0026706831

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com





Participants doing warming-up exercises before the run.




Some of the more than 800 people who took part in the Beacon Run 2016.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Zahid Resolve internal issues and win back Selangor | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 08 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 338,368 |
| Page No | 2 | Readership | 1,032,000 |
| Language | English | ArticleSize | 109 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,616 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,848 |


'They have betrayed the nation'

Najib: Don't bring down party presidency

Zahid: Resolve internal issues and win back Selangor

# Zahid: Resolve internal issues and win back Selangor

**BERA:** Umno leaders at all levels have been told to resolve internal problems to ensure the party continues to govern the country in future.

Umno vice-president Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said they needed to take a lesson from the country as well as world history that witnessed many powers such as Russia, the Netherlands, France and the Melaka Malay Sultanate Empire fell due to internal woes.

He said Barisan Nasional had even lost power in Perak, Terengganu and Kelantan due to internal unrest as a result of dissatisfaction with the leadership.

"Enough. Resolve internal problems. Do not entertain feelings of anger and disappointment among us.

"We do not want it to happen again in Umno and Barisan because the price is too costly. Leaders have their weakness because they are not infallible, so we give and take," he said when opening the Bera Umno division meeting yesterday.

Dr Ahmad Zahid also advised party leaders not to take the political power that the party currently held for granted.

He said they must always remember that unless they work hard, the party might lose its power as what happened in Kelantan.

"The leaders must come down to see and check what is happening at the grassroots level. We must continue to instil confidence in the people, particularly the youths," he added.

Opening the Kuala Selangor Umno division meeting later, Dr Ahmad Zahid also called on members in Selangor to close ranks to take Selangor back from Pakatan Harapan.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| UMNO (UMNO) | 5 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**Empire fell due to internal woes. He said Barisan Nasional had even lost power in Perak, Terengganu and Kelantan due to internal unrest as a result of dissatisfaction with the leadership. "Enough. Resolve internal problems. Do not entertain feelings of anger and disappointment among us. "We do not want it to happen again in Umno and Barisan because the price is too costly.**

08 Aug 2016
The Star, Malaysia

Author: Eric Samuel • Section: Sports • Page: 46 • Printed Size: 384.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 19,325.00
PR value: MYR 57,975.00 • Item ID: MY0026708070

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# Another casualty

## Coach Zainal sacking makes it eight this season

By ERIC SAMUEL




**PETALING JAYA:** Another one bites the dust!

Selangor coach Zainal Abidin Hassan ***(pic)*** has been given the boot making him the eighth coaching casualty in this season's Super League.

The Football Association of Selangor (FAS) terminated Zainal's contract with immediate effect after the Red Giants slumped to their third straight defeat – losing 1-0 to Kedah in Alor Setar on Saturday.

Earlier, seven coaches – Ahmad Yusof, Mike Mulvey (Terengganu), Ahmad Shahruddin Rosdi (Pahang), Jacksen Tiago (Penang), Datuk K. Rajagopal (Sarawak), K. Devan (Kelantan) and Syamsul Saad (Perak) – were told to take a "rest" or stepped down.

Selangor team manager Amirudin Shari in a statement yesterday said that FAS president Datuk Seri Azmin Ali has had enough and wanted drastic action taken immediately to arrest the Red Giants' dismal form.

Azmin, who is also the Selangor Mentri Besar, has also instructed Amiruddin to make a major shake-up of the team management in their bid to check the rot.

"The FAS take full responsibility for the dismal showing. The president has called for the termination of the services of head coach Zainal Abidin Hassan with immediate effect," said Amirudin.

"The task now will be given to assistant coach K. Gunalan to take charge of the team until further notice."

Zainal said he accepts the decision and added that his sacking is not the end of his coaching career.

"I could not meet the high expectations of the fans and the management. But I like thank FAS and the fans for their support.

"This is not the end for me as I will seek FAM's assistance to take up a pro coaching licence.

"For Selangor, I hope the players will continue to work hard and fight on. There is still a chance to win something. And to Gunalan good luck to you".

Before the match against Kedah, they lost 1-0 to Terengganu FC II and 2-1 to Felda United and their title shot is as good as over. Despite the defeat, Selangor remained in third spot on 26 points.

Table-toppers Johor Darul Ta'zim (JDT) are on course to lift their third successive title after leading the 12-team standings with 43 points – four more than second-placed Felda United. There are five more matches left in the competition.

Former international Zainal, who led Pahang to back-to-back Malaysia Cup titles in 2013 and 2014, has come under fire following the teams inconsistent form. The former heavyweights are also struggling in the Malaysia Cup campaign with four points from three matches in Group C.

In the FA Cup, Selangor went out in the third round losing to Police 2-1.

The FAS in a surprise move hired Zainal to replace Mehmet Durakovic, who had led Selangor to their 33rd Malaysia Cup triumph last season.

08 Aug 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 3 • Printed Size: 105.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,368.18
PR value: MYR 4,104.54 • Item ID: MY0026707724

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# Usaha tawan semula Selangor tidak mustahil

**KUALA SELANGOR 7 Ogos** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan tindakan untuk menawan kembali Selangor bukan perkara yang mustahil jika semua barisan kepemimpinan dan ahli UMNO negeri bersatu.

Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO berkata, kemenangan besar dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar lalu telah menjadi bukti bahawa UMNO boleh menawan kembali negeri ini.

"Ambil iktibar dari kesatuan kelip-kelip yang semakin terang bercahaya jika semakin banyak bersatu.

"Jika kesatuan dapat diselaraskan, pemikiran dapat disatukan, hati dan tindakan disamakan, perkara itu tidak mustahil.

"Satukan pemimpin di seluruh Selangor, kita rampas semula bumi ini. Apa lebihnya sekarang (kerajaan PKR Selangor), tiada beza.

"Selangor jadi negeri paling maju di bawah pimpinan UMNO," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Selangor di sini hari ini.

Ahmad Zahid dalam pada itu turut menggesa pemimpin dan ahli UMNO untuk mengubah minda dan sikap supaya menjadi pemimpin berjiwa rakyat.

Katanya, tanam budaya terbaik dari segi politik dan jauhi politik sate yang suka 'mencucuk dan mengipas' serta politik ikan keli yang suka 'mengeruhkan keadaan dari dalam parti'.

"Bila Allah SWT beri nikmat, jangan lupa diri dan daratan. Bila kita ada jawatan, kuasa dan peruntukan, jangan hanya tolong keluarga dan sahabat sahaja.

"Tolong mereka yang memerlukan kerana itulah tugas pemimpin," ujarnya beliau.



08 Aug 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 4 • Printed Size: 138.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,727.47
PR value: MYR 8,182.41 • Item ID: MY0026707847

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# Kongsi tekad tawan semula Selangor

**TELOK KEMANG 7 Ogos** - Ahli UMNO di Selangor perlu berkongsi keyakinan dan tekad bahawa negeri itu mampu dirampas semula daripada pakatan pembangkang seperti yang disuarakan Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, beliau percaya semua ahli parti itu pada masa ini menyimpan harapan yang sama selepas gagal menguasai negeri tersebut pada pilihan raya umum lalu.

"Bagi memastikan hasrat itu tercapai, kita akan pastikan UMNO Selangor bersatu padu. Perpaduan adalah agenda penting yang saya laksanakan ketika ini untuk memperkasakan parti," katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan Kejiranan Indah dan Pelancaran Program Transformasi Sosial di Rumah Pangsa Sri Bandar, Port Dickson di sini hari ini.

Noh mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa UMNO dan Barisan Nasional akan berusaha memecahkan tembok 'mustahil' untuk mendapatkan semula negeri Selangor dengan kekuatan jentera parti yang kini telah ditransformasi.

Beliau berkata, keyakinan itu berasaskan sistem terbaharu digunakan UMNO sehingga memperoleh kemenangan bergaya dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar (PRK) dan Parlimen Kuala Kangsar.

Mengulas lanjut, Noh memberitahu, strategi yang digunakan dalam kemenangan semasa PRK Sungai Besar baru-baru ini akan dijadikan panduan bagi memenangi hati pengundi dan merampas semula Selangor.

Beliau juga bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa pemilihan *winnable candidate* (calon boleh menang) adalah kaedah terbaik yang perlu diteruskan dalam usaha mengembalikan keyakinan pengundi terhadap UMNO.



ZAINAL ABIDIN HASSAN

**REKOD SELANGOR MUSIM INI**

- **Piala AFC:** Tersingkir di peringkat kumpulan.
- **Piala FA:** Tersingkir di pusingan ketiga.
- **Liga Super:** Menang tujuh, seri lima dan tewas lima *masih berlangsung*.

# Zainal akhirnya dipecat

**KUALA LUMPUR 7 Ogos** – Ekoran gagal mempamer prestasi cemerlang, Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) membuat keputusan drastik apabila bertindak memecat pengendali, Zainal Abidin Hassan berkuatkuasa serta merta, hari ini.

Pengumuman itu dibuat oleh Pengurus Selangor, Amirudin Shari dalam satu kenyataan media selepas menerima arahan daripada Presiden FAS, Datuk Azmin Ali yang mahu rombakan besar-besaran dibuat oleh badan induk tersebut. Tempat Zainal diambil alih sementara waktu oleh penolongnya, K. Gunalan.

"FAS mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas prestasi hambar Selangor sejak kebelakangan ini dan melalui arahan Presiden, saya ingin mengumumkan FAS menamatkan kontrak Zainal selaku Ketua Jurulatih serta merta.

"Tugas tersebut akan dipertanggungjawabkan kepada penolong jurulatih, K. Gunalan sehingga satu tempoh di mana FAS dan pengurusan pasukan mengenal pasti calon sesuai bagi mengemudi Selangor menghadapi baki saingan Liga Super dan Piala Malaysia.

"Pada masa sama, rombakan menyeluruh ke atas pengurusan FAS akan diumumkan esok," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Zainal menerima keputusan tersebut dengan hati terbuka sambil mengakui dia tidak mempunyai sebarang perancangan dalam masa terdekat selain mengambil lesen kejurulatihan profesional.

"Terima kasih kepada semua pihak khususnya FAS, pegawai-pegawai FAS dan juga pasukan serta penyokong sepanjang saya berada di Selangor. Bagaimanapun mungkin pencapaian tidak begitu baik jadi saya terpaksa menerima hakikat dan dengan hati terbuka mengenai keputusan FAS.

"Di sebalik itu juga, saya tetap berbangga kerana walaupun digugurkan namun pasukan berada di tahap yang baik dan masih mampu mengejar kejuaraan. Jadi saya mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan.

"Buat masa ini, saya tidak ada apa-apa perancangan cuma memohon kepada FAM untuk melanjutkan lesen kejurulatihan profesional," katanya.

